
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Oktober 2020

Inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada -1.5% pada bulan Oktober

Sumbangan kepada Inflasi



- Penurunan inflasi keseluruhan yang sederhana kepada -1.5% (September: -1.4%) pada bulan Oktober mencerminkan inflasi yang lebih rendah masing-masing bagi perkhidmatan komunikasi dan bahan api runcit dalam negeri.
- Inflasi yang lebih rendah bagi perkhidmatan komunikasi turut dicerminkan oleh inflasi teras yang menurun kepada 0.8% (September: 1.0%).


[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan eksport menjadi sederhana pada bulan Oktober

Eksport Malaysia Mengikut Produk

%, tahun ke tahun / Sumbangan mata peratusan




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Pertumbuhan eksport menjadi sederhana kepada 0.2% pada bulan Oktober (September: 13.6%), disebabkan terutamanya oleh eksport E&E yang lebih lemah. Eksport perkilangan bukan E&E juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah, yang terjejas akibat bahan kimia & keluaran kimia serta kelengkapan optik saintifik.
- Pada masa hadapan, eksport dijangka mendapat sokongan daripada pemulihan dalam pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, prospek perdagangan masih bergantung pada perkembangan global berhubung dengan pandemik COVID-19.

Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan

Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih[1] dan Pertumbuhan Pinjaman Terkumpul[1]



- Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan pada 4.5% pada bulan Oktober (September: 4.4%), dengan sumbangan yang lebih tinggi daripada bon korporat (Oktober: 5.0%, September: 4.3%). Pinjaman terkumpul terus meningkat (Oktober: 4.3%, September: 4.4%), disokong oleh pinjaman isi rumah.
- Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 5.1%, (September: 5.2%), dengan pengeluaran terus berada melebihi trend yang pernah dicatatkan sebelum ini.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun sedikit kepada 2.5% (September: 2.7%). Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran meningkat pada bulan Oktober didorong terutamanya oleh pinjaman modal kerja.


[1] Merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Bulanan
Oktober 2020

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Oktober




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Oktober, sentimen pelabur terjejas terutamanya akibat kebimbangan mengenai kes COVID-19 yang semakin meningkat pada peringkat global dan pelaksanaan semula sekatan pergerakan di beberapa negara, termasuk Malaysia.
- Kesannya, indeks ekuiti global mengalami penurunan yang menyeluruh berikutan pelabur terus berhati-hati terhadap prospek pemulihan ekonomi global. FBM KLCI turut menurun sebanyak 2.5%.
- Walau bagaimanapun, aliran masuk portfolio bukan pemastautin terus menyokong pasaran bon domestik apabila jangkaan bahawa dasar monetari yang akomodatif dalam ekonomi maju akan berpanjangan telah menyokong aktiviti mencari keuntungan di rantau ini. Kesannya, kadar hasil MGS 10-tahun menurun sebanyak 3.8 mata asas, manakala ringgit sebahagian besarnya tidak berubah pada bulan itu.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh meskipun selepas moratorium secara menyeluruh dilaksanakan

Kualiti Aset Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar keseluruhan meningkat sedikit daripada paras rendah yang pernah dicatatkan sebelum ini (Oktober: 1.43%; September: 1.38%). Peningkatan ini didorong oleh segmen isi rumah.
- Jumlah peruntukan meningkat sebanyak 5.54% pada bulan Oktober (September: 7.44%) apabila bank-bank terus menyediakan peruntukan tambahan bagi menghadapi kerugian kredit pada masa hadapan.
- Bank-bank terus menstrukturkan dan menjadualkan pinjaman bagi peminjam berdaya maju yang masih menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman mereka.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 11/20/10

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1500 pada hari Isnin 30 November 2020

SOROTAN BULANAN – OKTOBER 2020

Inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada -1.5% pada bulan Oktober

- Penurunan inflasi keseluruhan yang sederhana kepada -1.5% (September: -1.4%) pada bulan Oktober mencerminkan inflasi yang lebih rendah masing-masing bagi perkhidmatan komunikasi dan bahan api runcit dalam negeri.
- Inflasi[1] yang lebih rendah bagi perkhidmatan komunikasi turut dicerminkan oleh inflasi teras yang menurun kepada 0.8% (September: 1.0%).

Pertumbuhan eksport menjadi sederhana pada bulan Oktober

- Pertumbuhan eksport menjadi sederhana kepada 0.2% pada bulan Oktober (September: 13.6%), disebabkan terutamanya oleh eksport E&E yang lebih lemah. Eksport perkilangan bukan E&E juga mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah, yang terjejas akibat bahan kimia & keluaran kimia serta kelengkapan optik saintifik.
- Pada masa hadapan, eksport dijangka mendapat sokongan daripada pemulihan dalam pertumbuhan global. Walau bagaimanapun, prospek perdagangan masih bergantung pada perkembangan global berhubung dengan pandemik COVID-19.

Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan

- Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan pada 4.5% pada bulan Oktober (September: 4.4%), dengan sumbangan yang lebih tinggi daripada bon korporat (Oktober: 5.0%, September: 4.3%). Pinjaman terkumpul terus meningkat (Oktober: 4.3%, September: 4.4%), disokong oleh pinjaman isi rumah.
- Pinjaman isi rumah terkumpul[2] meningkat sebanyak 5.1%, (September: 5.2%), dengan pengeluaran terus berada melebihi trend yang pernah dicatatkan sebelum ini.

[1]Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.
[2] Merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)).

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun sedikit kepada 2.5% (September: 2.7%). Walau bagaimanapun, jumlah pengeluaran meningkat pada bulan Oktober didorong terutamanya oleh pinjaman modal kerja.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

- Pada bulan Oktober, sentimen pelabur terjejas terutamanya akibat kebimbangan mengenai kes COVID-19 yang semakin meningkat pada peringkat global dan pelaksanaan semula sekatan pergerakan di beberapa negara, termasuk Malaysia.
- Kesannya, indeks ekuiti global mengalami penurunan yang menyeluruh berikutan pelabur terus berhati-hati terhadap prospek pemulihan ekonomi global. FBM KLCI turut menurun sebanyak 2.5%.
- Walau bagaimanapun, aliran masuk portfolio bukan pemastautin terus menyokong pasaran bon domestik apabila jangkaan bahawa dasar monetari yang akomodatif dalam ekonomi maju akan berpanjangan telah menyokong aktiviti mencari keuntungan di rantau ini. Kesannya, kadar hasil MGS 10-tahun menurun sebanyak 3.8 mata asas, manakala ringgit sebahagian besarnya tidak berubah pada bulan itu.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh meskipun selepas moratorium secara menyeluruh dilaksanakan

- Nisbah pinjaman terjejas kasar keseluruhan meningkat sedikit daripada paras rendah yang pernah dicatatkan sebelum ini (Oktober: 1.43%; September: 1.38%). Peningkatan ini didorong oleh segmen isi rumah.
- Jumlah peruntukan meningkat sebanyak 5.54% pada bulan Oktober (September: 7.44%) apabila bank-bank terus menyediakan peruntukan tambahan bagi menghadapi kerugian kredit pada masa hadapan.
- Bank-bank terus menstrukturkan dan menjadualkan pinjaman bagi peminjam berdaya maju yang masih menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman mereka.

Bank Negara Malaysia
30 November 2020

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my